

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Selasa, 3 Disember 2019 2:37 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 65 Graduan Program Pembangunan PKS 2.0 Dirai Dalam Majlis Graduasi



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

3 DISEMBER 2019 / 6 RABIULAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Berita dan gambar oleh: CUIC

65 GRADUAN PROGRAM PEMBANGUNAN PKS 2.0 DIRAI DALAM MAJLIS GRADUASI

UUM ONLINE: Seramai 65 graduan bagi Program Pembangunan PKS 2.0 hasil kerjasama Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dengan UUM dan SME Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia) telah diraikan dalam majlis graduasi di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), baru-baru ini.

Majlis tersebut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif BIMB, Mohd Muazzam Mohamed; Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp., Noor Azmi Mat Said dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UUM, Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad yang mewakili Naib Canselor.

Program BIMB-UUM-SME Corp. Pembangunan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) telah diadakan selama hampir tiga bulan sejak Ogos lalu yang mana ia dijalankan setiap dua minggu sekali di Menara BIMB, Kuala Lumpur dengan kelolaan tenaga pakar dari UUM dan industri.

Program latihan ini merangkumi tujuh modul latihan yang merangkumi modul keusahawanan, pengurusan, kewangan, sumber manusia, governan, syariah serta penekanan kepada aspek-aspek teknologi maklumat, digital serta perkongsian bersama industri dan agensi yang berpengalaman.

Tahun 2019 merupakan tahun kedua UUM bekerjasama dengan BIMB dan SME Corp melalui Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC) yang melibatkan peningkatan dua kali ganda penyertaan iaitu seramai 65 orang berbanding 30 pada tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp., Noor Azmi berkata, pihak SME Corp. akan cuba membantu golongan B40 melalui insentif mikrokredit yang akan disediakan kepada golongan tersebut dalam usaha mengangkat potensi usahawan PKS yang mapan.

Malahan, menurutnya, pengibatan Datuk (Dr.) Hafsah Hashim selaku Penasihat BIMB juga dilihat telah berjaya menaikkan semangat peserta di dalam sesi perkongsian beliau, diikuti dengan sesi forum yang sangat bermanfaat oleh Ketua Ekonomi BIMB, Dr. Mohd Afzanizam Abdul Rashid serta slot khas bersama tiga usahawan berjaya di bawah seliaan SME Corp.



Sementara itu, graduan, Khairul Izlan Hussain berkata, "Saya amat berharap program sebegini dapat diteruskan kerana ia sangat memberi manfaat khususnya dalam menguruskan kewangan perniagaan.

"Saya juga berpeluang meluaskan jaringan dengan semua rakan-rakan peserta yang terdiri dari pelbagai bidang perniagaan berbeza," katanya.

Manakala graduan, Vairasivam Karisna Kumar turut mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada penganjur iaitu kepada Ketua Pegawai Eksekutif BIMB, SME Corp. Malaysia dan Naib Canselor UUM kerana menyediakan ruang dan peluang sebegini kepada usahawan PKS seperti mereka.

Pengarah CUIC, Prof. Madya Dr. Marlin Marissa Malek berkata, program seumpama ini merupakan sangat relevan kepada usahawan PKS yang merupakan penyumbang utama pendapatan negara dan peluang pekerjaan kepada masyarakat.

Menurutnya, secara tidak langsung, kerjasama UUM dengan agensi ataupun industri dapat dieratkan lagi dalam usaha menyerlahkan peranan '*University for Society*' atau Universiti untuk Masyarakat.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.